



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**

**SEMESTER 2**

**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**PPK 290 : INTERNSHIP I**



<b>NAMA</b>	<b>: CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER</b>
<b>NO IC / MATRIK</b>	<b>: 991020-13-6504 / 145719</b>
<b>LOKASI INTERNSHIP</b>	<b>:SMK SERI BAYU, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG</b>

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>3</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>4</b>
<b>1.0</b>	<b>LATAR BELAKANG SEKOLAH</b>	<b>5-6</b>
<b>2.0</b>	<b>PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI</b>	<b>7</b>
<b>3.0</b>	<b>JAWATANKUASA PENGURUSAN SMK SERI BAYU</b> <i>3.1 CARTA ORGANISASI INDUK SMK SERI BAYU</i> <i>3.2 CARTA ORGANISASI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS</i> <i>3.3 JAWATANKUASA KURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SMK SERI BAYU</i> <i>3.4 JAWATANKUASA HAL EHWAL MURID PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SMK SERI BAYU</i> <i>3.5 JAWATANKUASA KOKURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SMK SERI BAYU</i>	<b>8-12</b>
<b>4.0</b>	<b>CATATAN HARIAN</b>	<b>13-19</b>
<b>5.0</b>	<b>TUGASAN 1: TUGASAN PEMBANTU GURU</b>	<b>20-21</b>
<b>6.0</b>	<b>TUGASAN 2: GURU BAYANGAN (SHADOW TEACHER)</b>	<b>22</b>
<b>7.0</b>	<b>REFLEKSI KESELURUHAN</b>	<b>23-24</b>
<b>8.0</b>	<b>CONTOH RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)</b>	<b>25</b>
<b>9.0</b>	<b>BORANG MAKLUM BALAS ROKK-S</b>	<b>26</b>
<b>10.0</b>	<b>BORANG PENAMAAN GURU PEMBIMBING</b>	<b>27</b>
<b>11.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>28-33</b>

## **PENGHARGAAN**

Salam sejahtera dan syukur ke hadirat Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya saya, Chrisalyn Bulan Christopher akhirnya berjaya menyiapkan salah satu subjek wajib dalam kursus pengajian saya di universiti. Subjek ini adalah subjek PPK 290 Internship I iaitu Rancangan Orientasi Kendiri Komuniti- Sekolah (ROKK-S). ROKK-S ini telah saya jalankan di SMK Seri Bayu, Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana, sekolah ini menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sesuai dengan keperluan kursus saya di universiti iaitu Pendidikan Khas.

Sepanjang menjalani ROKK-S, saya sangat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk bekerjasama bersama pihak sekolah, guru pembimbing dan rakan yang sangat memahami. Perkara ini memudahkan lagi tugas saya untuk mendapatkan maklumat yang saya perlukan untuk menyiapkan laporan saya. Hal ini demikian kerana, ROKK-S dijalankan sepenuhnya atas talian disebabkan oleh keadaan dunia yang sedang dilanda COVID-19 pada saat ini. Namun begitu, perkara ini tidak mematahkan semangat untuk menyiapkan tugas dan menganggap ianya sebagai latihan kea rah menjadi pendidik yang celik IT.

Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pensyarah subjek PPK290 Internship I iaitu Dr Rabiatul Ahmad Rashid atas usaha beliau untuk memudahkan urusan mahasiswa/i untuk mendapatkan kebenaran untuk meneruskan ROKK-S di sekolah-sekolah seluruh negara. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelaras Pendidikan Khas USM iaitu Profesor Madya Dr Aznan Che Ahmad atas segala ilmu, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan laporan ini.

Seterusnya, tidak lupa juga terima kasih kepada pengetua SMK Seri Bayu, Ibrahim Bin Kasa kerana memberi keizinan untuk menjalankan ROKK-S di sekolah beliau. Tanpa keizinan daripada beliau, semestinya sukar untuk saya menyiapkan tugas ini. Tambahan, ucapan terima kasih yang tak terhingga juga saya ucapkan kepada guru pembimbing saya iaitu Cik Roziana Bt Ramdin. Beliau sangat banyak membantu saya untuk mendapatkan maklumat yang saya perlukan. Beliau membantu tanpa mengira waktu dan tenaga. Terdapat banyak ilmu yang telah saya perolehi daripada beliau

Akhirnya, tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada kedua ibubapa, rakan-rakan dan kepada pihak yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih untuk sokongan dan dorongan anda semua. Sekecil-kecil bantuan anda, sangat membantu dan saya hargai dalam usaha menyiapkan tugas ini.

## **ABSTRAK**


Laporan ini mengandungi segala tugas dan aktiviti yang berkaitan dengan program Internship I yang telah saya jalankan selama sebulan. Objektif utama Internship I ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan awal dan pengalaman sebenar situasi di dalam dunia pendidikan kepada bakal guru.

Sepanjang menjalankan Internship I ini, bakal guru telah banyak membuat pemerhatian, membantu dan melibatkan diri dalam segala aktiviti serta program yang dijalankan oleh PPKI SMK Seri Bayu, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Secara tidak langsung, aktiviti dan program yang dijalankan telah memberi pengalaman sebenar kepada bakal guru untuk kegunaan bakal guru di masa hadapan. Namun begitu, segala aktiviti, program mahupun kelas dijalankan secara atas talian atau PDPR. Hal ini disebabkan oleh penularan wabak pandemik Covid-19 yang telah menjelaskan pelbagai sektor negara termasuklah sektor pendidikan sejak tahun 2019 sehingga hari ini. Oleh itu, bagi menjamin kelangsungan pendidikan, kerajaan telah menggunakan kaedah PDPR kepada semua sekolah di negara Malaysia.

Bagi pembelajaran murid aliran PPKI SMK Seri Bayu, platform yang digunakan oleh guru adalah Whatsapp dan Webex. Dengan adanya Internship I ini, memberi saya kesedaran akan perubahan sistem pendidikan di masa depan. Dimana guru-guru hendaklah sentiasa bersedia dengan kemajuan teknologi. Internship I juga memberi saya banyak pengetahuan mengenai pengaplikasian Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Dimana hampir seluruh sekolah di Malaysia mulai mengamalkan PAK-21.

Seterusnya, saya diberi peluang untuk memerhatikan sendiri perkembangan serta corak pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas. Contohnya, penglibatan mereka sepanjang kelas atas talian. Saya juga diberi peluang untuk melihat sendiri Rancangan Pengajaran Individu (RPI) bagi pelajar berkeperluan khas. Guru pembimbing turut memberi peluang untuk saya membantu beliau memantau dan membantu pelajar-pelajar melalui aplikasi WhatsApp. Akhir sekali, segala rutin harian sepanjang Internship ini dijalankan telah saya catatkan dalam penulisan laporan ini.

## **1.0 LATAR BELAKANG SEKOLAH SMK SERI BAYU, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG**



**GAMBAR : LOKASI SMK SERI BAYU**

Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar II atau nama ringkasnya SMK Telok Kumbar II, merupakan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan yang terletak di Jalan Kampong Masjid, Teluk Kumbar. Sekolah ini juga merupakan sekolah menengah kedua yang dibina oleh Kementerian Pelajaran dalam kawasan Teluk Kumbar. Dimana konsep pembinaan adalah ‘design and build’. Pada 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar II memiliki 460 pelajar lelaki dan 428 pelajar perempuan, menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 888 orang. Ia mempunyai seramai 59 orang guru.

Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar II dibina di Kampung Suluk, Teluk Kumbar yang terletak kira-kira 8.5 km dari Pejabat Pelajaran Daerah Barat Daya dan 13.2 km dari Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Manakala jarak antara Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar II dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar adalah kira-kira 2.5 km.

Namun begitu, pada tahun 2004, berlaku pertukaran nama bagi sekolah ini. Iaitu dari SMK telok Kumbar II kepada SMK Seri Bayu. Kepimpinan SMK Seri Bayu telah diterajui oleh En Ibrahim Bin Kasa selaku pengetua sekolah dan dibantu oleh penolong-penolong kanan beliau. Menurut beliau, kebanyakan pelajar yang menuntut ilmu di SMK Seri Bayu adalah anak-anak kepada nelayan yang tinggal berhampiran dengan sekolah ini.

Selain mempunyai pelajar dari arus perdana, sekolah ini juga mempunyai keistimewaan lain di mana sekolah ini menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi pelajar-pelajar yang memerlukan. Terutamanya pelajar-pelajar berkeperluan khas seperti masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan namun mereka masih mampu berfungsi serta menyesuaikan diri di sekolah. PPKI di sekolah ini terdiri daripada dua iaitu separa inklusif dan inklusif penuh. Di mana mereka telah dibahagikan kepada 10 kelas iaitu kelas KPKP 1 hingga KPKP 10 mengikut tahap kemampuan murid. Iaitu KPKP 1 bagi murid berkeperluan khas yang berfungsi paling tinggi dan KPKP 10 bagi yang berfungsi sangat lemah. Hal ini bagi memudahkan guru untuk menyediakan fokus pembelajaran pelajar.



**GAMBAR : LOGO SMK SERI BAYU**

WARNA	PENERANGAN
<b>BIRU</b>	Melambangkan kemananan dan ketenteraman
<b>PUTIH</b>	Masa depan warga sekolah
<b>KUNING</b>	Melambangkan sekolah yang taat kepada perintah raja

BENTUK	PENERANGAN
<b>BENTUK HURUF I</b>	Identiti sekolah
<b>TOPI</b>	Warga berpendidikan
<b>SCROLL</b>	Ilmu yang bermanfaat
<b>AIR</b>	Melambangkan berhampiran laut Telok Kumbar
<b>TAHUN 2004</b>	Tahun pertukaran nama sekolah daripada SMK Telok Kumbar II

## **2.0 PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI SMK SERI BAYU**

***MOTTO: “BERAKHLAK DAN BERDIKARI”***

### **FALSAFAH PENDIDIKAN KHAS**

- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk memperkembangkan potensi mereka secara optimum demi menjadikan mereka insan yang dapat berdikari, berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

### **VISI PENDIDIKAN KHAS**

- Menjadi Program antara 5 terbaik di Pulau Pinang

### **MISI PENDIDIKAN KHAS**


- Melahirkan pelajar yang berakhhlak mulia dan boleh berdikari dan berbakti kepada masyarakat.
- Memperkembangkan potensi pelajar ke tahap maksimum.
- Menggunakan masa dan sumber yang sedia ada secara cekap dan berkesan menerusi pentadbiran dan pengurusan yang efisien.
- Mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.
- Merapatkan hubungan dan menjalinkan kerjasama antara pihak sekolah dengan PIBG, pertubuhan-pertubuhan sukarela bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta.

### **PIAGAM PELANGGAN**


- Berkhidmat dengan penuh dedikasi dan keikhlasan
- Mewujudkan keprihatinan dan kasih sayang kepada pelajar
- Bersikap adil terhadap semua pelajar tanpa mengira bangsa, agama, dan jenis ketidakupayaan.
- Menyediakan pendidikan berkualiti.

### **3.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN SMK SERI BAYU**

#### **3.1 CARTA ORGANISASI INDUK SMK SERI**



### 3.2 CARTA ORGANISASI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS



**3.3 JAWATANKUASA KURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI  
SMK SERI BAYU**

**PENGERUSI**  
**EN IBRAHIM BIN KASA**  
**(PENGETUA)**

**TIMBALAN PENGERUSI**  
**EN MOHD NASIR BIN ISMAIL**  
**(PENOLONG KANAN PENTADBIRAN)**

**NAIB PENGERUSI**  
**EN HASSAN BIN DIN**  
**(PENOLONG KANAN HEM)**

**PN ZURAINI BINTI DARUS**  
**(PENOLONG KANAN KOKURIKULUM)**

**PN NORLINDA BINTI IBRAHIM**  
**(PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS)**

<b>JAWATANKUASA</b>	<b>GURU/ PENGURUS PEMBANTU MURID (PPM)</b>
	Pn Nawal Bt Shamsuddin
<b>JADUAL WAKTU</b>	Pn Foo Bee Yen Pn Siti Hazarotul Bt Hashim Pn Norlinda Bt Ibrahim
<b>JADUAL GURU GANTI</b>	Cik Roziana Bt Ramdin
<b>PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN</b>	En Md Zhafriadli Bin Md Zamri
<b>PUSAT SUMBER</b>	Pn Masya Nor Aswaniza Bt Norhani
<b>INKLUSIF</b>	Munirah Bt Ahmad
<b>AKADEMIK</b>	Pn Masya or Azwaniza Bt Norhani
<b>PANITIA MATAPELAJARAN</b>	Pn Nawal Binti Samsudin Pn Rohayu Binti Ali Pn Masya Nor Azwaniza bint Norhani Pn Siti Hazarotul binti Hashim Cik Farah Nashuha binti Mohd Akhir Pn Rahmah Binti Haron Pn Nor Hasmahani binti Ibrahim En Md Zhafriadli Bin Md Zamri Pn Nurul Izatul Afzan Binti Ariffam Pn Foo Bee Yen Pn Rohafiza binti Rahmat
<b>PAPAN KENYATAAN</b>	Pn Rahmah Binti Haron Pn Nawal binti Shamsudin Cik Farah Nashuhah Binti Mohd Akhir
<b>PRISMA</b>	Pn Masya Nor Azwaniza Binti Norhani

**3.4 JAWATANKUASA HAL EHWAL MURID PROGRAM PENDIDIKAN KHAS  
INTEGRASI SMK SERI BAYU**

**PENGERUSI**

EN IBRAHIM BIN KASA  
(PENGETUA)

**TIMBALAN PENGERUSI**

EN MOHD NASIR BIN ISMAIL  
(PENOLONG KANAN PENTADBIRAN)

**NAIB PENGERUSI**

EN HASSAN BIN DIN  
(PENOLONG KANAN HEM)

PN ZURAINI BINTI DARUS

(PENOLONG KANAN KOKURIKULUM)

PN NORLINDA BINTI IBRAHIM

(PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS)

JAWATANKUASA	GURU / PENGURUS PEMBANTU MURID (PPM)
LEMBAGA DISIPLIN	Pn Masya Nor Azwaniza Binti Norhani En Md Zhafriadli bin Md Zamri
PENGAWAS SEKOLAH	En Md Zhafriadli Bin Md Zamri
ELAUN MURID KHAS (EMK)	Cik Roziana Binti Ramdin
KEBAJIKAN PELAJAR	Cik Roziana Binti Ramdin
KESELAMATAN, KEBERSIHAN, KECERIAAN (3K)	Pn Masya Nur Azwaniza Binti Norhani
SIJIL BERHENTI DAN SURAT AKUAN SEKOLAH	Cik Roziana Bint Ramdin
SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)	Cik Farah Nasuha Binti Mohd Akhir
ASPERIASI ANUGERAH KECEMERLANGAN	Pn Rohayu binti Ali Cik Farah Nashuha binti Mohd Akhir
HARI INTERAKSI IBU BAPA	Pn Norhasmahani Binti Ibrahim

**3.5 JAWATANKUASA KOKURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS  
INTEGRASI SMK SERI BAYU**

**PENGERUSI**  
EN IBRAHIM BIN KASA  
(PENGETUA)

**TIMBALAN PENGERUSI**  
EN MOHD NASIR BIN ISMAIL  
(PENOLONG KANAN PENTADBIRAN)

**NAIB PENGERUSI**  
EN HASSAN BIN DIN  
(PENOLONG KANAN HEM)

**PN ZURAINI BINTI DARUS**  
(PENOLONG KANAN KOKURIKULUM)

**PN NORLINDA BINTI IBRAHIM**  
(PENOLONG KANAN PENDIDIKAN KHAS)

JAWATANKUASA	GURU
MAJLIS SUKAN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS	Pn Foo Bee Yen (ketua) Semua Guru
PROJEK KHAS NURSERY BUNGA	Cik Roziana Binti Ramdin Pn Masya Nor Azwaniza Binti Norhani
PROJEK KHAS CENDAWAN	Pn Nurul Izatul Afzan binti Ariffam Guru Z
PROJEK KHAS TANAMAN PISANG	En Md Zhafriadli Bin Md Zamri
PROJEK KHAS BURUNG PUYUH	Cik Farah Nasuha binti Mohd Akhir
PROJEK JUALAN MAKANAN	Pn Siti Hazarotul binti Hashim Pn Rohayu Binti Ali
PROJEK KHAS BATIK	Pn Nor Hasmahani binti Ibrahim

#### **4.0 CATATAN HARIAN**

<b>Bil</b>	<b>TARIKH</b>	<b>BUTIRAN AKTIVITI</b>
<b>1</b>	6/9/2021 (ISNIN)	<p><b>9:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bayu untuk melapor diri kepada pengetua sekolah iaitu Encik Ibrahim bin Kasa. Perjumpaan ini diadakan di pejabat beliau</li> <li>• Semasa perjumpaan, saya telah menyerahkan beberapa borang dari pihak Persatuan Ilmu Pendidikan untuk beliau tandatangan dan sahkan. Iaitu;             <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang maklum balas</li> <li>2. Borang pencalonan guru pembimbing</li> <li>3. Surat pemberitahuan ROKK-S</li> <li>4. Surat rujukan ROKK-S kepada sekolah</li> </ol> </li> </ul> <p><b>10:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya bersama rakan guru praktikal dan pengetua sekolah membuat lawatan singkat di beberapa kawasan sekolah.</li> </ul> <p>Antara tempat lawatan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tapak perhimpunan</li> <li>2. Kantin sekolah</li> <li>3. Pejabat sekolah</li> <li>4. Makmal sekolah</li> <li>5. Padang sekolah</li> <li>6. Blok PPKI</li> <li>7. Pondok Penanaman Cendawan</li> </ol> <p><b>11:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya bersama rakan guru praktikal kembali semula ke Universiti Sains Malaysia dan membuat persediaan dari segi fizikal, mental dan emosi sebelum menjalani ROKK-S</li> </ul>
<b>2</b>	7/9/2021 (SELASA)	<p><b>10:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua SMK Seri Bayu memaklumkan bahawa saya dan rakan guru praktikal akan dikendalikan oleh Pn Norlinda binti Ibrahim. Hal ini demikian kerana, beliau merupakan Penolong Kanan Pendidikan Khas dan lebih arif dalam kursus yang kami ambil di universiti</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pn Norlinda ditugaskan untuk mencalonkan guru pembimbing kepada saya dan rakan guru praktikal</li> </ul> <p><b>3:00 petang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya menghubungi Pn Norlinda, Penolong Kanan Pendidikan Khas dan menerangkan serba sedikit mengenai ROKK-S kepada beliau.</li> <li>Beliau menyatakan bahawa beliau akan menetapkan seorang guru pembimbing bagi setiap guru praktikal</li> </ul> <p><b>3:48 petang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya dan rakan guru praktikal telah mendapatkan guru pembimbing masing-masing.</li> <li>Guru pembimbing saya adalah Cik Roziana Bt Ramdin</li> <li>Saya membuat Group Whatsapp SMK Seri Bayu dengan ahli group tersebut adalah PK Pendidikan Khas, 2 guru pembimbing, saya sendiri dan rakan guru praktikal.</li> </ul> <p><b>4:00 petang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi perkenalan diri secara ringkas diantara guru praktikal/bayangan dan komuniti SMK Seri Bayu.</li> </ul>
3	8/9/2021 (RABU)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas Pengurusan Kehidupan bagi Kelas KPKP6. Fokus pembelajaran pada hari tersebut adalah kemahiran menguruskan diri. Kehadiran murid adalah seramai 2 orang pelajar. Pelajar-pelajar tersebut mempunyai masalah pembelajaran dan pendengaran. Pembelajaran dan Pengajaran dilakukan secara atas talian menggunakan <i>Google Meet</i>.</li> <li>Latihan diberikan oleh Cikgu Nina melalui "WhatsApp"</li> </ul>
4	9/9/2021 (KHAMIS)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP7 iaitu kelas pendidikan seni dan kesejahteraan berfokus kepada Pendidikan Jasmani.</li> <li>Cikgu Nina meminta pelajar untuk membuat pergerakan seperti yang ditunjukkan dalam video bagi meningkatkan sensori pelajar</li> </ul>

		<p><b>10:30-11:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya mengikuti kelas KPKP4 iaitu English For Communication</li> <li>• Cikgu Nina berfokus kepada kemahiran <i>Listening</i></li> <li>• Cikgu Nina meminta murid mendengar audio kemudian menjawab soalan yang disediakan bersama-sama semasa waktu kelas</li> </ul> <p><b>4:00 petang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya melakukan perbincangan dengan guru pembimbing, Cikgu Roziana berkaitan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh beliau sepanjang minggu ini</li> <li>• Saya juga mendapatkan takwim sekolah dari beliau</li> </ul>
<b>5</b>	10/9/2021 (JUMAAT)	<p><b>11:30-12:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya menemu bual secara atas talian (Whatsapp) Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) iaitu En Hassan Bin Din berkaitan pengurusan pelajar di SMK Seri Bayu.</li> </ul>
<b>6</b>	11/9/2021 (SABTU)	
<b>7</b>	12/9/2021 (AHAD)	
<b>8</b>	13/9/2021 (ISNIN)	
<b>9</b>	14/9/2021 (SELASA)	<p><b>CUTI SEKOLAH PERTENGAHAN 彭加古 (11/9/2021-19/9/2021)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermula cuti pertengahan penggal selama 1 minggu.</li> <li>• Melakukan penulisan Laporan ROKK-S</li> </ul>
<b>10</b>	15/9/2021 (RABU)	<p><b>12/9/2021 (10:00 pagi)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya menemu bual pihak-pihak pengurusan, guru pembimbing dan guru-guru yang terlibat dengan pengurusan di sekolah</li> <li>• Saya mendapatkan maklumat yang saya perlukan baik dari segi pengurusan induk sekolah mahupun pengurusan bilik-bilik khas, bilik darjah mahupun kantin sekolah</li> </ul>
<b>11</b>	16/9/2021 (KHAMIS)	
<b>12</b>	17/9/2021 (JUMAAT)	
<b>13</b>	18/9/2021 (SABTU)	

<b>14</b>	19/9/2021 (AHAD)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan bertanya kepada guru yang bertanggungjawab melalui WhatsApps.</li> </ul>
<b>15</b>	20/9/2021 (ISNIN)	<p><b>8:00-9:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP 9 subjek Asas Tanaman tajuk : Jenis sayur-sayuran oleh Cikgu Roziana iaitu guru bimbingan saya dengan kehadiran murid seramai 2 orang pelajar kelas KPKP9. Pelajar-pelajar tersebut mempunyai masalah pembelajaran dan pendengaran. Pembelajaran dan Pengajaran dilakukan secara atas talian menggunakan <i>Google Meet</i>.</li> </ul> <p><b>10:30-11:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas seterusnya KPKP 7 iaitu kelas pendidikan seni dan kesejahteraan berfokus kepada Pendidikan Jasmani iaitu pergerakan irama</li> <li>Cikgu Nina meminta pelajar untuk mengikuti pergerakan dari lagi “Baby Shark-Didi and Friends” dan “Kalau Rasa Gembira”.</li> </ul>
<b>16</b>	21/9/2021 (SELASA)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP4 iaitu English For Communication</li> <li>Cikgu Nina berfokus kepada kemahiran <i>Listening</i></li> <li>Cikgu Nina meminta murid mendengar audio kemudian menjawab soalan yang disediakan bersama-sama semasa waktu kelas</li> </ul>
<b>17</b>	22/9/2021 (RABU)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengikuti kelas Cikgu Rohayu bagi subjek Pengurusan Kehidupan kelas KPKP 6</li> <li>Topik pada hari tersebut adalah pengurusan rutin harian. Bermula dari bangun pagi sehingga waktu tidur</li> <li>Pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 3 bermasalah pembelajaran</li> <li>Guru memberi tugas kepada pelajar melalui WhatsApps</li> </ul>
<b>18</b>	23/9/2021 (KHAMIS)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP7 iaitu kelas pendidikan seni dan kesejahteraan berfokus kepada Pendidikan Kesihatan : Bantuan Awal Kecederaan</li> <li>Cikgu Nina meminta pelajar untuk menyediakan kain anduh sehari sebelum kelas. Pada hari kejadian,</li> </ul>

		walaupun hanya melalui PDPr cikgu dan pelajar bersama-sama mempraktikkan bantuan awal kecemasan. Murid di rumah dibantu oleh ahli keluarga.
		<b>10:30-11:30 pagi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya mengikuti kelas KPKP4 iaitu English For Communication</li> <li>• Cikgu Nina berfokus kepada kemahiran <i>Reading</i></li> <li>• Cikgu Nina menyediakan slaid ringkas berkaitan langkah yang perlu diambil ketika berlaku kebakaran</li> <li>• Kemudian murid diminta membaca ayat yang tertulis pada slaid.</li> <li>• Latihan pengukuhan diberikan di dalam group Whatsapp</li> </ul>
<b>19</b>	24/9/2021 (JUMAAT)	<b>11:30-12:00 pagi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya menemu bual Pn Norlinda binti Ibrahim, Penolong Kanan Pendidikan Khas berkaitan pengurusan PPKI di SMK Seri Bayu.</li> </ul> <b>1:00 pm</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneruskan dengan penulisan laporan</li> </ul>
<b>20</b>	25/9/2021 (SABTU)	<b>12:00 pm- 14:00 pm</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemak semula laporan yang disediakan</li> <li>• Menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat yang diperlukan untuk ditanyakan kepada guru pembimbing pada hari Isnin</li> </ul> <b>14:00 pm- 17:00 pm</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menulis laporan</li> </ul>
<b>21</b>	26/9/2021 (AHAD)	<b>10:00 PAGI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menemu bual guru pembimbing berkaitan kekangan, kelebihan pelajar PPKI, pencapaian pelajar PPKI.</li> <li>• Berbincang tentang bahan bantu mengajar untuk pengajaran pada minggu hadapan</li> </ul> <b>14:00 pm – 17:00 pm</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru pembimbing menunjukkan RPI dan RPH</li> <li>• Menemu bual guru pembimbing berkaitan kekangan, kelebihan pelajar PPKI, pencapaian pelajar PPKI.</li> </ul>

22	27/9/2021 (ISNIN)	<p><b>8:00-9:00 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP 9 subjek Asas Tanaman tajuk : Alatan dan bahan untuk menyediakan batas tanaman.</li> <li>Kehadiran murid seramai 3 orang pelajar kelas KPKP9. Pelajar-pelajar tersebut mempunyai masalah pembelajaran dan pendengaran. Pembelajaran dan Pengajaran dilakukan secara atas talian menggunakan <i>Google Meet</i>.</li> </ul> <p><b>10:30-11:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas seterusnya KPKP 7 iaitu kelas pendidikan seni dan kesejahteraan berfokus kepada Pendidikan Seni Visual iaitu membuat corak dan membuat rekaan</li> <li>Cikgu Nina meminta pelajar untuk menyediakan batang daun pisang dan cat air untuk membuat corak berkonseptan cetakan</li> </ul>
23	28/9/2021 (SELASA)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP4 iaitu English For Communication</li> <li>Cikgu Nina berfokus kepada kemahiran <i>Reading</i></li> <li>Cikgu Nina menerangkan langkah-langkah menguruskan diri dalam English kemudian meminta murid menceritakan semula apa yang difahami dan dipelajari pada hari tersebut</li> </ul>
24	29/9/2021 (RABU)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengikuti kelas Cikgu Rohayu bagi subjek Pengurusan Kehidupan kelas KPKP 6</li> <li>Topik pada hari tersebut adalah pengurusan kewangan</li> <li>Pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 3 bermasalah pembelajaran</li> <li>Guru memberi tugas kepada pelajar melalui WhatsApp</li> </ul>
25	30/9/2021 (KHAMIS)	<p><b>8:30-9:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Saya mengikuti kelas KPKP7 iaitu kelas pendidikan seni dan kesejahteraan berfokus kepada Pendidikan Muzik:</li> <li>Cikgu Nina memperkenalkan alatt muzik dan not muzik kepada murid</li> <li>Membawa murid menyanyi “</li> </ul>

		<p><b>10:30-11:30 pagi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya mengikuti kelas KPKP4 iaitu English For Communication</li> <li>• Cikgu Nina berfokus kepada “Nouns”</li> <li>• Latihan pengukuhan diberikan di dalam group Whatsapp</li> </ul>
<b>26</b>	1/10/2021 (JUMAAT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tamat internship (ROKK-S)</li> <li>• Menyiapkan segala laporan yang diperlukan</li> </ul>

## **5.0 TUGASAN 1: TUGASAN PEMBANTU GURU**

BIL	SENARAI AKTIVITI	CATATAN
1	Temubual Pengetua (En Ibrahim Bin Kasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan latar belakang pendidikan beliau</li> <li>• Menerangkan sejarah pembentukan SMK Seri Bayu dan pencapaian sekolah sejak beliau menerajui kepimpinan</li> <li>• Menerangkan skop tugas beliau selaku tunjang kepimpinan sekolah</li> <li>• Menjelaskan cabaran-cabaran yang dilalui bagi memajukan SMK Seri Bayu</li> <li>• Menjelaskan usaha beliau dalam memajukan Program Pendidikan Khas Integrasi di SMK Seri Bayu</li> </ul>
2	Temubual PK 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan skop tugas beliau selaku PK 1</li> <li>• Merancang jadual waktu kelas, kelas gentian dan guru yang memasuki kelas tersebut</li> <li>• Menjadi pemangku kepada pengetua jika pengetua tiada atau mempunyai urusan di luar stesen</li> <li>• Mewujudkan hubungan dua hala antara guru dengan ibu bapa dan masyarakat</li> </ul>
3	Temubual PK HEM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas utama adalah memastikan kebijakan pelajar sepanjang berada di sekolah adalah terjamin</li> <li>• Membantu dalam urusan kewangan atau perbelanjaan sekolah</li> <li>• Menyediakan dan merancang takwim sekolah bersama pengetua dan pk 1</li> </ul>
4	Temubual PK Kokurikulum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas utama adalah memastikan pelajar seimbang dari segi kurikulum dan kokurikulum</li> <li>• Memastikan setiap murid terlibat</li> <li>• Merancang takwin sukan dan permainan di sekolah</li> <li>• Menyediakan belanjawan berkaitan kokurikulum</li> </ul>
5	Temubual PK Pendidikan Khas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan skop tugas sebagai PK PPKI</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Menjalinkan hubungan dua hala yang erat antara guru, PPM, ibubapa dan penjaga murid</b></li> <li><b>Merancang takwin bahagian pengurusan PPKI</b></li> <li><b>Meluluskan segala aktiviti yang dirancang selagi tidak memudaratkan pelajar</b></li> <li><b>Membina hubungan baik dengan pihak pengurusan dan guru arus perdana</b></li> </ul>
6	Pengurusan murid	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dikendalikan di bawah PK HEM</b></li> <li><b>Segala tindakan ditentukan oleh beliau atas nasihat pengetua</b></li> <li><b>Memastikan kekemasan, disiplin, tingkah laku dan ketepatan masa murid adalah baik</b></li> <li><b>Meminimumkan jumlah kes di sekolah pada setiap tahun</b></li> </ul>
7	Pengurusan bilik sumber	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dibahagikan kepada dua: Arus perdana dan PPKI</b></li> <li><b>Guru bertanggungjawab telah ditentukan</b></li> <li><b>Memastikan bilik sumber dalam keadaan yang baik sebelum dan selepas digunakan</b></li> <li><b>Keizinan serta segala pengurusan diserahkan kepada guru yang ditugaskan</b></li> </ul>

## **6.0 TUGASAN 2: GURU BAYANGAN (SHADOW TEACHER)**

BIL	SENARAI AKTIVITI	CATATAN
1	Maklumat tentang RP	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>RPT berdasarkan DSKP yang telah diselaraskan oleh pihak KPM</b></li> <li><b>RPH disediakan oleh guru berdasarkan DSKP dari KPM</b></li> <li><b>Bagi PPKI menggunakan KSSMPK Masalah pembelajaran</b></li> <li><b>RPH disemak oleh pengetua dan dipantau oleh PPD</b></li> </ul>
2	Maklumat kaedah mengajar	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dirujuk dari KSSM</b></li> <li><b>Objektif yang ditetapkan oleh guru hendaklah yang boleh dicapai dan selaras dengan tajuk-tajuk yang telah ditetapkan dalam DSKP</b></li> </ul>
3	Maklumat penyampaian dan pengelolaan	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Pengelolaan dan penyampaian dimulai dengan set induksi bagi menarik minat murid</b></li> <li><b>Teknik yang menarik mampu meningkatkan lagi semangat murid untuk belajar. contohnya, teknik bermain sambil belajar</b></li> <li><b>Kaedah yang digunakan hendaklah menarik, mudah, ringkas dan padat bagi pelajar PPKI</b></li> </ul>
4	Maklumat kualiti guru	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Guru hendaklah bijak menyediakan bahan bantu mengajar</b></li> <li><b>Guru hendaklah belajar untuk memahami kaedah belajar yang disukai kebanyakan murid di dalam kelas agar mudah untuk menyediakan bahan dan kaedah mengajar</b></li> <li><b>Guru menjadi contoh dan idola kepada murid</b></li> <li><b>Guru menjaga komunikasi bersama murid mahupun ibubapa, PPM dan orang sekeliling</b></li> </ul>

## **7.0 REFLEKSI KESELURUHAN**

Selama sebulan saya menjalani Internship I di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bayu, di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), banyak pengalaman yang telah saya perolehi. Terutamanya dalam menyediakan saya untuk menjadi bakal guru yang lebih cekap IT dan mampu berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini demikian kerana, sepanjang sebulan saya menjalani ROKK-S, semua pembelajaran dilakukan secara atas talian. Sama ada dengan menggunakan *Webex*, *Google Meet* atau *WhatsApp*. Keadaan ini sangat berbeza dengan keadaan semasa saya bergelar pelajar dahulu. Oleh itu, perkara ini membuka mata saya untuk menjadi guru yang lebih kreatif dan bijak menarik minat pelajar untuk terus bersemangat dalam pelajaran. Terutamanya bagi pelajar berkeperluan khas. Hal ini demikian kerana, saya sedia maklum bahawa pelajar-pelajar ini mudah hilang fokus dan minat terhadap sesuatu yang bersifat mendatar atau membosankan bagi mereka.

Saya akui, pembelajaran atas talian adalah sesuatu yang tidak mudah bagi pelajar berkeperluan khas. Hal ini demikian kerana, pelajar-pelajar ini lebih mudah untuk memahami akan topik pelajaran jika berlaku secara bersemuka. Kekangan ini juga diakui oleh guru pembimbing saya sendiri. Namun, kekangan ini semua tidak menjadi alasan untuk guru terus bersemangat dalam mendidik mereka. Hal ini demikian kerana, ibubapa pelajar sendiri sangat memberi kerjasama dalam usaha memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Contohnya, ibubapa menyediakan gadjet kepada anak-anak dan menemani anak-anak sehingga tamat kelas. Melalui cara ini, walaupun tiada pembantu pengurusan murid (PPM) bersama murid, namun masih ada ibubapa yang sedia membantu murid. Perkara ini memudahkan kedua-dua pihak dan memberi manfaat yang sangat banyak kepada murid.

Saling kebergantungan ini sangat penting. Hal ini demikian kerana, guru sahaja tidak mampu untuk memantau pelajar terutamanya sepanjang pdpr dilakukan. Guru dan pelajar berada di dua tempat yang berbeza. Oleh itu, komunikasi dua hala secara nyata tidak dapat dilakukan. Sepanjang sebulan saya bersama guru pembimbing, saya dapat melihat kekangan pada tahap internet dan kesedaran pelajar terhadap pendidikan. Kesedaran ini masih sangat tipis. Dimana hanya beberapa murid sahaja menghadiri kelas atas talian yang dilakukan oleh guru. Namun begitu, hal ini mungkin juga disebabkan murid lebih menyukai kelas secara nyata berbanding atas talian, pelajar berkongsi gadjet dengan ibu bapa atau adik beradik lain.

Seterusnya, sepanjang ROKK-S, saya telah menemu bual beberapa pihak pengurusan PPKI. Melalui hasil temu bual, pencapaian pelajar PPKI di sekolah ini adalah sangat baik. Terutamanya dalam bidang ko kurikulum. Contohnya, Pencapaian pelajar PPKI dalam

Kokurikulum tahun 2020 ialah johan dalam pertandingan Karnival E-Mahabbah (Saudara Ahmad Darwisy Fikrie). Tempat Ke-3 nyanyian solo peringkat negeri (Saudari Fakhira Ismahani). Pencapaian pelajar PPKI dalam Kokurikulum tahun 2021 ialah Johan dalam pertandingan Karnival E-Mahabbah (Saudara Ahmad Darwisy Fikrie) peringkat kebangsaan. Nyanyian solo tempat ketiga (Nursyamira) peringkat negeri. Johan pertandingan Virtual Run (Tan Xing Xian) peringkat daerah dan tempat ke-5 di peringkat negeri. Jadi jelaslah bahawa, walaupun pelajar ini lemah dari segi pendidikan, namun mereka mempunyai kekuatan di bahagian yang lain.

Selain itu, sepanjang saya menjalani ROKK-S di sekolah ini, saya mendapati bahawa pengetua serta pengurusan PPKI sekolah ini sangat mengambil berat terhadap pelajar-pelajar berkeperluan khas. Hal ini dikatakan demikian kerana, saya sendiri melihat hasil usaha yang mereka telah lakukan sebelum Covid-19 melanda negara kita. Dimana pihak pengurusan telah membuat inisiatif untuk membangunkan kemahiran vokasional kepada para pelajar berkeperluan khas. Misalnya di sekolah ini terdapat projek khas nursery bunga, cendawan, tanaman pisang, burung puyuh, jualan makanan dan pembuatan batik. Melalui cara ini, pelajar dapat belajar kemahiran-kemahiran dalam kehidupan sebenar yang akan mereka gunakan di masa depan. Jadi, perkara ini sedikit sebanyak memberikan mereka pendedahan kepada komunikasi yang baik dengan orang sekeliling. Ia juga akan meningkatkan keyakinan mereka apabila mereka telah tamat persekolahan nanti dan meneruskan kehidupan mereka seperti pelajar normal lain.

Akhirnya, walaupun pengalaman secara nyata saya tidak perolehi dengan banyak, namun saya bersyukur kerana memiliki guru-guru pembimbing dan pihak pengurusan yang sangat baik. Perkara ini memudahkan saya untuk mendapatkan maklumat dan tunjuk ajar. Melalui PDPR juga dapat memberi saya bayangan bahawa menjadi seorang pendidik adalah tidak mudah. Namun dengan sifat keikhlasan dan kesungguhan untuk mendidik anak bangsa, guru pasti melakukan yang terbaik. Jadi, sepanjang saya disini, saya sangat menghargai segala ilmu, tunjuk ajar dan pengalaman yang telah diberikan kepada saya. Harapan saya, saya dapat kembali lagi ke sekolah ini untuk menabur bakti kepada para pelajar. Terutamanya pelajar-pelajar berkeperluan khas. Saya akhiri kata dengan ucapan, jika bukan kita, siapa lagi yang akan mendidik pelajar-pelajar berkeperluan khas.

## 8.0 CONTOH RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

RANCANGAN PELAJARAN HARIAN	
Jurusan Pertanian kebunon) bad ke 21	MINGGU : 32 TARIKH : 21 september 2021 HARI : Tuesday TINGKATAN : KPKP 1 MASA : 8.30 am - 9.30 am MATA PELAJARAN : English For communication
BIDANG/TEMA/TAJUK	Health & Environment / Tips for Healthy and Safety
STANDARD KANDUNGAN	2.3.1 (R)
STANDARD PEMBELAJARAN/ HASIL PEMBELAJARAN	2.3.1 (ii) Gmk: PTK modull
OBJKTIF/KRITERIA KEJAYAAN	Students should be able to read at least 3 sentences pertaining to fire drill.
LANGKAH/AKTIVITI	1. Explanation through whatsapp. 2. Google meet session. 3. Exercise 
ABM/BBM/SUMBER	whatsapp, Google meet, Powerpoint
REFLEKSI	
<b>Aktiviti PdPc Abad ke 21</b> Komunikasi <input checked="" type="checkbox"/> Kreativiti <input type="checkbox"/> Kolaboratif <input type="checkbox"/> Kritis <input type="checkbox"/> Nilai : Careful Lain-lain (nyatakan)	
<b>KBAT</b> Mengaplikasi <input checked="" type="checkbox"/> Menganalisis <input type="checkbox"/> Menilai <input type="checkbox"/> Mencipta <input type="checkbox"/>	
<b>Pentaksiran</b> Latihan Bertulis <input checked="" type="checkbox"/> Lisan <input checked="" type="checkbox"/> Kuiz <input type="checkbox"/> Pembentangan <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)	

PENGERTIAN/DEFINISI

## **9.0 BORANG MAKLUM BALAS ROKK-S**

LAMPIRAN

### **BORANG MAKLUM BALAS RANCANGAN ORENTASI KENDIRI KOMUNITI-SEKOLAH (ROKK-S)**

Tarikh:

Kepada: Dekan  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang

U/P. PM Dr. Rabiatul-Adawiah binti Ahmad Rashid  
(Pengerusi Rancangan Latihan Mengajar/Praktikum)

Tuan/Puan,

#### **PENGESAHAN PENERIMAAN GURU PELATIH UNTUK RANCANGAN ORIENTASI KENDIRI KOMUNITI-SEKOLAH (ROKK-S), SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

Saya merujuk kepada surat tuan bil. Ruj. USM/PPIP/B/ROKK-S (01) Jld.1, yang bertarikh 2 September 2021.

2. Dengan ini saya bagi pihak sekolah bersebauju / tidak bersetuju menerima pelajar berikut untuk menjalani latihan internship di sekolah ini.

BIL	Nama Pelajar	No. K/Pengenalan
1	CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER	991020-13-6504
2	FABIAN BIN FREDERIC P SIEKIP	990321-12-6349

Sekian, terima kasih.

(Tandasangan & Cop Pengetua/Guru Besar)

  
**IBRAHIM BIN KASAH MM**  
Pengetua  
SMK SERI BAYU  
Jalan Kampung Masjid  
11920 Bayan Lepas  
Pulau Pinang

Nama Sekolah: **SMK SERI BAYU**

Alamat Sekolah: **JLN KG MASJID , 11920 BAYAN LE PAS**

No. Tel./No. Fax: **04-6495144 / 04-6496464**

Nama Guru/Pegawai Yang Boleh Dihubungi:

2019sp00000

## **10.0 BORANG PENAMAAN GURU PEMBIMBING**



### **RANCANGAN ORIENTASI KENDIRI KOMUNITI-SEKOLAH (ROKK-S) SEMESTER III, SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

#### **BORANG PENAMAAN GURU PEMBIMBING/MENTOR**

Nama dan Alamat Sekolah:

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No.	Nama Guru Pembimbing (silakan tulis dalam buku besar untuk mengelakkan kelepasan alasan nama)	No. Kad Perowatan	Kelulusan (Jazah atau lulusan)
1	ROZIANA BINTI RAMDIN	830921-08-6340	DIPLOMA PERGURUAN (PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN)

09/09/21

Tarikh: .....

  
(Tandatangan & Cop Pengaruh Sekolah)

IBRAHIM BIN KASA H.M.  
Pengaruh  
SMK SERI BAYU  
Jalan Kampung Manjid  
11920 Bayan Lepas  
Pulau Pinang


**SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA PENGERUSI RANCANGAN LATIHAN  
MENGAJARI/PRAKTIKUM DENGAN KADAR SEGERA UNTUK TINDAKAN PUSAT  
PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN.**

.....


## 11.0 LAMPIRAN

RANCANGAN PELAJARAN HARIAN					
Pertanian kebunyan)	MINGGU: 32	TARIKH: 21 September 2021	HARI: Tuesday		
bad ke 21	TINGKATAN: KPKP 1	MASA: 8:30 am - 9:30 am	MATA PELAJARAN: English For communication		
	BIDANG/TEMA/TAJUK	Health & Environment / Tips for Healthy and Safety			
	STANDARD KANDUNGAN	2.3.1 (C.R)			
	STANDARD PEMBELAJARAN/ HASIL PEMBELAJARAN	2.3.1 (C.ii) SMP: PTK model			
	OBJEKTIF/ KRITERIA KEJAYAAN	Students should be able to read at least 3 sentences pertaining to fire drill.			
	LANGKAH/ AKTIVITI	1. Explanation through WhatsApp. 2. Google meet session. 3. Exercise 			
	ABM/BBM/SUMBER	WhatsApp, Google meet, Powerpoint			
	REFLEKSI				
PENGETAHUAN/RENCEGAHAN					

CONTOH RPH



**TEMU BUAL BERSAMA  
GURU PEMBIMBING  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP**



**MEMPERKENALKAN ROKK-S  
KEPADА PENOLONG KANAN  
PPKI SMK SERI BAYU**



Ibrahim Kasa

19 Apr 2019 • 5

#### PROGRAM TERNAKAN IKAN PUYU CHUMPHON

Program ini ialah salah satu program untuk para pelajar pendidikan khas integrasi (PPKI) sekolah. Saya menempah 2000 ekor ikan puyu ini dari pusat ternakan di Negeri Kelantan. Seawal pukul 5 pagi saya ke stesen bas sungai nibong untuk mengambil penghantaran ikan tersebut melalui bas ekspres. 1000 ekor dilepaskan di kawasan air bertakung di sekitar kawasan sekolah untuk memerangi jentik-jentik nyamuk aedes. 1000 ekor lagi diperuntukkan untuk anak-anak pendidikan khas untuk program Ternakan ikan puyu chumphon.





#### PROGRAM PENTERNAKAN IKAN PUYU









KEKANGAN PDPR